


101 Rahsia Lelaki

Dari Penulis Buku
**KAMUS CINTA
& 101 NOTA CINTA**
juga 12 ebook
Cinta Terlaris!

*"Man will always be man
tetapi dengan mengetahui
sedikit rahsia sulit yang
sering disembunyikan,
wanita boleh berjaya
menakluki hati lelaki!"*

Razzi Rahman
@Brother Love



karya :

Razzi Rahman @ Brother Love

“Penyanyi & Penulis Buku/eBuku Cinta Popular”

eBook 101 Rahsia Lelaki

Website : www.razzirahman.com

Facebook : www.facebook.com/razzirahman.fb

Facebook : www.facebook.com/brolover

Keluaran : 2006 - 2017 Upgraded 6.88 edition

DILARANG KERAS mengeluarkan ulang atau menggunakan mana-mana kandungan ebook ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, cetak, mekanik, fotokopi, rakaman atau pengstoran maklumat termasuk sistem dapat kembali tanpa kebenaran bertulis. AMARAN KERAS! Pihak Razzi Rahman Publishertidak akan teragak-agak untuk membawa mana-mana individu atau syarikat terus ke muka pengadilan tanpa sebarang amaran! : Pengurus

Prolog

~ Segala-gala tentang lelaki...wanita perlu tahu! ~

Assalamualaikum... dengan mengetahui 101 rahsia lelaki anda akan lebih memahami pasangan anda dan mengelak dari tersalah pilih. Jadi, sekiranya kita lebih memahami tentang lelaki nescaya kita akan dapat memilih dengan tepat bakal pasangan hidup!

“Man will always be man! Tetap dengan kedegilannya dan pendiriannya sebagai satu kaum yang dipandang gagah dan berkuasa. Namun, sebenarnya kaum lelaki bukan susah untuk diagak tindak-tanduknya.

Yang penting kaum wanita haruslah lebih prihatin dengan kehendaknya dan mengetahui apa citarasa pasangan lelakinya. Dengan mengetahui sedikit rahsia sulit yang sentiasa tersembunyi ini, Bro Razzi amat yakin anda akan lebih berjaya menakluki kaum lelaki!

“Mengapa saya membongkar rahsia tentang lelaki anda tanya?” hehe :)

Well, sebenarnya di dalam diri saya ada satu perasaan yang selalu bergolak dan rasa tidak puas hati sentiasa menyelubungi diri saya setiap kali mengetahui atau melihat wanita terpedaya dan tertipu dengan lelaki. Jadi tujuan saya menulis 101 Rahsia Lelaki ini, tidak lain tidak bukan, semata-mata mahu membantu dan menghindarkan kaum wanita dari terpedaya lagi. All I want to do is TO HELP! ...so, bermula hari ini, gunakanlah ebook ini sebagai rujukan utama anda untuk mengetahui dan memahami LELAKI.

eBook 101 Rahsia Lelaki, PASTI akan membantu anda!

Rahsia 1



Lelaki amat membenci gadis yang suka menggatal walaupun sekadar suka-suka, apatah lagi saja-saja nak berkenalan. Tidak akan ada pujuk rayu, tidak ada maaf untuk mereka ini kerana ianya akan menjadi satu alasan bagi lelaki untuk memutuskan perhubungan itu atau mulai mencari pasangan yang baru.

Rahsia 2

Apabila lelaki berkata, dia tidak memahami apa yang dikatakan oleh wanita atau pun tidak faham langsung apa yang kaum wanita inginkan, itu bermaksud dia tidak suka cara itu kerana tidak mengikut caranya atau tidak berfikir cara yang dia fikir. Bosan, kan?! ;)

Rahsia 3

Apabila seorang lelaki menyukai seorang wanita, apa sahaja perkara yang dilakukan walaupun buruk akan kelihatan baik dan apatah lagi perkara yang baik akan bertambah hebat jadinya.

Rahsia 4

Sedarilah yang lelaki sebenarnya, lebih menyukai wanita yang bijak, genius dan mempunyai fikiran sendiri, daripada wanita yang seksi, memakai jeans yang ketat, t-shirt pendek sehingga ternampak belakangnya, pusatnya atau wanita yang bersinglet di pusat membeli-belah. Perempuan-perempuan yang seksi dan seksa ini hanya dilihat sebagai satu objek sex. Namun...jika berpelajaran, berpengalaman, bijak membuat keputusan... well, being sexy is a bonus!...ianya pasti satu satu kelebihan besar!

Rahsia 5

Lelaki selalunya suka melengah-lengahkan perhubungan cinta mereka untuk maju setapak ke hadapan. Jadi, untuk kebahagiaan anda di masa depan dan perhubungan yang bermakna lebih elok jika terus mengetahui kemana arah perhubungan anda. Tanya apa yang dikehendakinya dan apa yang dia mahu di dalam perhubungan itu. Jangan biarkan ianya berlarutan dengan tiada pengertian, kerana ianya jelas sekali...hanya merugikan anda!

Rahsia 6

Adalah lebih baik sekiranya anda menguji kaum lelaki sebelum mempercayai mereka. Kerana lelaki tersangat lemah dengan ujian. Jadi, sekiranya mereka lemah dan mengaku kalah, lelaki itu 'not worth it' tetapi jika dia sanggup bertahan, itu bermakna dialah 'Prince Charming' anda. Tetapi jangan lama-lama sangat menguji lelaki...

Rahsia 7



HATI HATI, lelaki boleh bergosip dan membuat cerita sehingga menjangkau ke separuh dunia, lebih pada wanita bergosip. Kata-kata dan tuduhan mereka juga lebih tajam! Kadang-kadang wanita boleh jadi benar-benar gila dengan lelaki sebegini. Tinggalkan saja lelaki yang 'bermulut lembik' ini.

Rahsia 8

Lelaki boleh jadi gila apabila tangannya disentuh wanita ataupun hanya sekadar terlanggar bahu. Jadi salah-satu cara untuk memikat ialah buat-buat la terlanggar atau tersentuh tangan. Tengok reaksinya...

Rahsia 9

Hati lelaki, sangat tersentuh dengan luahan cinta seorang wanita. Jelas sekali, wanita itu harus meneruskan perhubungan itu dan tidak boleh berundur lagi. Kerana ianya seperti sudah tersimpul mati!... Jadi, jika tidak berniat untuk serius bercinta, jangan sesekali memberi harapan palsu, merana dia.

Rahsia 10

Lelaki sebenarnya, tidak mencari sangat wanita cantik atau rupa yang lawa, campuran, mix, pan asian, NO! Cukuplah jika gadis itu manis dipandang, bersih dan sangat pandai mengambil hati ibunya. ...tapi kalau dapat yang lawa tu, it's a bonus la kan hehe

Rahsia 11

Namun sekali lagi saya ingatkan pada anda supaya, BERHATI-HATI...lelaki boleh menyukai anda hanya dalam masa ...1 minit, dan lelaki juga boleh melupakan anda hanya dalam masa 1 minit. Hmmm...very bad huh?

Rahsia 12

Rahsia seterusnya adalah pada senyuman. Adakah anda mengamalkan 'Senyum Selalu?' Kalau belum, kena amalkan sebab, ini adalah salah satu kelemahan lelaki dan keegoaan mereka. Apabila ada wanita yang memberi senyuman kepada mereka... ego pun melompat, perasaan bangga diri juga mulai menular. Kalau senyuman yang manis tambah MANJA pulak, mereka akan jadi benar-benar gila bayang! Jadi selalu-selalulah memberi senyuman sebegini terhadap lelaki yang anda idamkan.

Rahsia 13

Jangan sesekali 'batu api', maksud saya...anda sengaja membuat perkara yang dibenci lelaki atau menaikkan amarah dan ego seorang lelaki dengan kata-kata hina, atau pun mencabar maruahnya sebagai seorang lelaki ...sure mengamuk besar! PERCAYALAH!

Rahsia 14

Lelaki sangat benci dengan wanita yang suka bercerita tentang bekas kekasihnya. Ianya amat memuakkan mereka apabila wanita mula bercerita tentang itu dan ini, kisah dan kenangan manis serta pengalaman mereka semasa bersama dengan bekas kekasih. Ianya adalah satu kesalahan besar bagi mereka. Mereka juga menganggap, jika wanita masih berperangai sebegitu, ianya seolah-olah wanita itu masih mempunyai perasaan terhadap bekas kekasihnya, walaupun ianya hanyalah satu kenangan silam. Jadi...rahsiakan saja!

Rahsia 15

Lelaki juga menangis. Itu menunjukkan lelaki itu benar-benar terasa, sensitif dan perlukan pujukan dari anda jadi, carilah lelaki yang sebegini. Sesungguhnya, mereka mempunyai nilai kasih sayang yang lebih dari lelaki biasa. Cuma, janganlah cari lelaki yang asyik menangis aje...bosanlah pulak!

Rahsia 16

Okey, lelaki juga sangat suka dipujuk! Bukan perempuan saja yang suka... Apatah lagi sekiranya pujukan perempuan itu penuh dengan kemanjaan dan lemah lembut. Tentu saja rebah tersungkur lelaki itu, apabila dia tergoda dengan pujuk rayu anda pula, kan?

Rahsia 17

Lelaki sangat pandai bermain kata-kata semasa mengorot atau semasa saja-saja ingin memikat, ingat tu! TETAPI lelaki akan menggeletar apabila bertemu dengan wanita yang benar-benar disukainya. Terkelu seribu bahasa! huhu...

Rahsia 18

HATI-HATI dengan lelaki yang suka 'melabur!' Bagi hadiah macam-macam. Bagi gelang emas, cincin emas, bagi duit... Secara logiknya, orang melabur mesti mahukan keuntungan, paling tidak sedikit 'komisen'. Mereka tidak akan beri saja-saja wahai gadis dan wanita budiman, free-free je mana boleh! Mesti nak untung juga, biasalah beb terlajak memakan budi, langsung tergadai body! Berhati-hatilah dengan lelaki yang suka melabur!

Rahsia 19



Lelaki yang suka bergaduh dan mengongkong bukan tandanya SAYANG!... Jangan salah anggap. Selalunya kalau sebelum kahwin asyik bergaduh, berperang, kena pukul pulak tu, lepas tu sambung bertengkar lagi, buat anda menangis... lebih baik cari orang baru! Tinggalkan terus lelaki sebegini. Ramai lagi lelaki yang menghormati kaum wanita!

Rahsia 20

Anda tidak akan faham tentang lelaki sehingga anda mengikut kata lelaki itu, boring, kan? Untuk memahami lelaki, anda cuma perlu mengikut segala keputusannya, katanya, kemahuannya. Namun ada juga lelaki yang adil dan give and take.

Rahsia 21

Walaupun lelaki benci wanita yang suka menggatal, dia sendiri sebenarnya suka menggatal, miang, mata keranjang, mengacau, buaya dan sebagainya. Dalam erti kata sebenar “Kau buat tak boleh, aku buat tak apa!” Jahat betul lelaki, tapi itulah realitinya...hehe! Bro Razzi pun lelaki...habis semua lelaki marah kat aku lepas ni, bongkarkan rahsia mereka

Rahsia 22

Setelah segala kenakalan lelaki yang dilakukan. Selalunya ia tidak melekat di hati mereka. Apabila mereka masuk tidur, hanya yang dicintai dan disayangi juga yang akan diingati dan dimimpikannya. Kalau ada yang masih terbayang-bayang kepada entah perempuan mana tu, maka lelaki itu bukanlah benar-benar cinta dengan anda. Apa nak buat? Bagi tekanan padanya supaya mengaku perasaannya yang sebenar!

Rahsia 23

Lelaki cukup susah untuk menerima kekalahan, dikecewakan dan ditinggalkan. Mereka akan terus mencuba sedaya upaya untuk mendapatkan kembali wanita yang telah menghancurkan perasaan mereka. Sesetengah lelaki sebegini, jiwanya cukup merana sehingga memerlukan rawatan psikologi.

Rahsia 24

Sekiranya anda bertemu dengan lelaki yang baru sahaja ditinggalkan atau dikecewakan, ada lebih baik anda melupakan sahaja niat anda untuk terus mendampingi kerana dia akan terus mengingati gadis yang mengecewakannya itu lebih lama dari biasa.



Rahsia 25

Kebanyakan lelaki yang benar-benar lelaki ni, amat diskriminasi dan benci terhadap kaum 'gays', 'mak nyah', 'pondan'. Mereka tidak akan menerima langsung kaum yang dilaknati Allah ini. Jadi sekiranya anda bertemu lelaki yang menyukai kaum ini, mungkin anda kena check balik, adakah dia lelaki sebenar-benar lelaki? Hmm, better cari yang lain je...

Rahsia 26

Lelaki amat menyayangi ibu, mama, mommy mereka. Cara terbaik ialah dengan berbuat sangat-sangat baik terhadap ibu mereka, sure anda ada harapan untuk memilikinya.

Rahsia 27

Sekiranya lelaki mengajak anda untuk keluar sekadar untuk minum, maksudnya dia berminat untuk rapat. Sekiranya dia ajak lunch, cuba tengok cara dia makan. Jika gelojoh, lapar, tandanya mungkin dia belum memiliki perasaan pada anda. Jika sopan, tandanya... dia yang nak tengok cara anda makan. Jadi, makanlah perlahan-lahan. Suap nasi tu, sebanyak sudu kecil sesuap. Hehe...tapi, lebih baik jadi diri sendiri.

Rahsia 28

Bukan rahsia lagi sekiranya lelaki meminta nombor telefon, 100% dia berminat dengan anda. Cuma rahsianya, bila dia minta?! Kalau baru saja kenal terus minta, itu maknanya dia memang sang buaya dan dengan gadis lain pun sure dia buat sama. TETAPI kalau dia berbual-bual dulu, berkenalan, bercakap tentang karier, kehidupan seharian dan kemudian baru minta, itu tandanya dia serius mahu mengenali anda dengan lebih lanjut. Suka layan telefon 2-3 jam? Bagi je lah nombor tu. Kalau tak suka atau tak berminat, bagi jugak nombor tu...tapi nombor telefon pejabat bomba la...hahahaha!

Rahsia 29

Sekiranya lelaki itu hanya berkata, dia mengajak keluar tengok wayang, tengok teater, konsert, shopping, HANYA SEKADAR KAWAN... 'he is bullshit!' Sememangnya jika hanya anda dan dia berdua, keluar ke beberapa tempat hiburan, beberapa date, LELAKI ITU TENGAH GILA kat you lah tu! hehe...

Rahsia 30

Lelaki sangat mengagung-agungkan wanita yang disukainya atau yang baru diminatinya walaupun wanita itu tidak lawa langsung! So, jangan cepat sangat nak perasan! Kalau nak tahu you betul-betul cantik atau hebat, try jumpa lelaki yang membenci anda, sesungguhnya walau dia benci macammana sekalipun lelaki tidak akan mengata anda hodoh jika anda betul-betul cantik.



Rahsia 31
Apabila seorang lelaki benar-benar sukakan anda, mereka suka mengacau anda, perli-perli dan mengata-ngata anda. Buat-buat benci, padahal teramat suka! Lebih kurang orang perempuan jugalah...hehehe

Rahsia 32

Sekiranya lelaki itu mencurahkan segala masalah yang dihadapinya kepada anda, lebih-lebih lagi tentang cinta. Dia sebenarnya memerlukan seseorang yang sanggup mendengar. Anda tidak perlu memberi cadangan. Juga jangan cepat merasa yang anda dikehendaki kerana perasaan dia di kala itu sebenarnya, tidak menentu. Waspadalah...

Rahsia 33

Jika seorang lelaki sanggup melepaskan wanita pergi, sanggup membiarkan dia bercinta dengan orang lain, dia sebenarnya lelaki yang benar-benar mencintai wanita itu. Dialah lelaki yang sanggup berkorban apa saja demi anda!

“Lebih 100,000 fan yang mengikuti tip dan teknik cinta berkesan dari Bro Razzi Rahman, setiap hari di facebook Brother Love”

Anda bagaimana? Jangan terlepas peluang, lawati hari ini!

KLIK DI SINI : www.facebook.com/brolover

Active since 7th Sept 2006
For more info: klik di sini
www.razzirahman.com

facebook

“Dari penulis buku
Kamus Cinta & Nota Cinta
juga 12 ebook Cinta terlaris!”

go here

Razzi Rahman @ Brother Love
CEO for Irfan Khairi Sdn Bhd
Singer & Author of self enrichment books/ebooks

Rahsia 34



Bila lelaki meraung-raung marah dan menangis di depan wanita, itu maknanya dia benar-benar mahu meluahkan perasaannya. Jika dia marah, dia benar-benar marah dan jika dia bersedih dan menangis, itu maknanya dia benar-benar sedih.

Rahsia 35

Lelaki curang??...jangan bagi peluang kedua kepadanya. Sekali dia curang, dia akan berlaku curang untuk berkali-kali lagi. Sekali lelaki curang, itu bermakna dia masih mempunyai nafsu terhadap wanita-wanita lain. Jangan buang masa! Buang dia! Tidak ada gunanya untuk anda memaafkannya lantas memberi peluang kepadanya untuk kembali, kerana hampir kesemua daripada mereka akan kembali berlaku curang lagi. Sorrylah girls...this is reality!

Rahsia 36

Jika lelaki berkata yang dia asyik memikirkan anda sehingga mandi tak basah, makan tak kenyang dan tidur tak lena...**JANGAN PERCAYA!** Kerana, dia juga akan mengatakan perkara yang sama kepada wanita lain. Mulut manis je tu, dia akan ketawakan anda nanti.

Rahsia 37

Lelaki tidak akan saja-saja bercakap serius jika sekadar ingin bercakap tentang perkara-perkara harian. Jadi apabila seseorang lelaki mulai bercakap serius, dengar betul-betul apa yang ingin diperkatakan kerana perasaannya di kala itu penuh bermakna.

Rahsia 38

Sesetengah lelaki sangat bengis dan mengerikan seperti seekor harimau apabila di depan kawan-kawannya. **TETAPI** lelaki itu selalunya akan menjadi kecut, takut dan jinak sejinak seekor kucing apabila berdepan dengan kekasih yang dicintainya.

Rahsia 39

Apabila lelaki jatuh cinta, dia akan benar-benar cinta lebih dari wanita. Lelaki sebegini jarang dijumpai. Also, kalau jumpa yang macam relax je tu,...tak cinta sangat lah tu.

Rahsia 40

Lelaki benci dengan wanita yang suka berlebih-lebih. Bercakap lebih, berpakaian lebih-lebih, cara berkawan pun lebih-lebih. Lelaki mudah rimas dengan wanita sebegini. Bersederhanalah. Dalam Islam pun menyarankan agar kita mengamalkan kesederhanaan.

Rahsia 41



Mungkin ada lelaki yang sembahyang dan tidak sembahyang. Tetapi jika anda dapat melihat atau mengetahui yang lelaki itu tidak pernah meninggalkan sembahyang... rahsianya, lelaki seperti ini selalunya seorang yang amat menghormati orang tua. Dia juga adalah lelaki yang jujur dan tulus ikhlas. Pilih lah dia!

Rahsia 42

Jika lelaki itu sembahyang, dalam percakapannya dia akan sentiasa menggunakan kalimah Allah. Seperti, Masyaallah, Allahuakbar, Alhamdulillah, Insyallah. Seorang lelaki yang tidak sembahyang, amat gerun untuk menyebut kalimah Allah ini dengan terang-terang. Pilihlah lelaki yang tidak tinggal sembahyang, kerana secara logiknya dia mendengar suruhan tuhan jadi dia menghormati Tuhannya. Jika dia adalah seorang lelaki yang tidak sembahyang, jelaslah dia tidak takut dan tidak menghormati Allah. Kalau Tuhannya sendiri pun dia tidak hormati, bagaimana dia hendak menghormati anda?

Rahsia 43

Jika lelaki terus-terusan memuji kecantikan rupa paras anda, itu jelas bermakna dia benar-benar menyukai anda. Jangan cepat-cepat menerimanya. Dengar dulu ayat-ayat seterusnya. Kalau asyik memuji saja, jelaslah dia hanya 'menanam tebu di tepi bibir'

Rahsia 44

Ramai juga lelaki yang percayakan kepada kepercayaan tahyul. Percaya kepada kubur keramat, tangkal, cincin hikmat, pelaris itu dan ini. Lelaki seperti ini hanya akan merosakkan akhlak anda dan menjauhkan anda dari Agama Islam yang suci.

Rahsia 45

Ramai lelaki dari golongan muda, suka bertanya dan mencari tip-tip untuk bercinta. Selalunya mereka suka meminta nasihat atau pandangan dari teman rapat tetapi yang paling mereka suka adalah meminta nasihat dari seorang wanita. Jika anda sukakan seseorang lelaki itu, jadilah penasihat peribadinya

Rahsia 46



Jika lelaki tiba-tiba mengajak anda keluar, tidak perlu malu dan segan. Dengan berani tanyakan, “Mengapa?... sebab apa saya mesti keluar dengan awak?” Tanyakan beberapa soalan lagi, jika dia ikhlas, dia akan memberi jawapan seperti, “Saya mahu kenal awak dengan lebih rapat lagi.” TETAPI jika tergagap-gagap atau jawapannya tidak munasabah maka dia hanyalah sekadar mahu bermain-main.

Rahsia 47

Jangan mengharapkan lelaki memahami anda seperti anda harapkan yang akan terjadi seperti dari novel cinta atau pun telenovela sepanyol, venezuela yang anda selalu tonton. Itu bukanlah realitinya. Lelaki bertindak mengikut pengalamannya. Sebab itu lelaki yang lebih berumur adalah lelaki yang lebih mengetahui selok belok membahagiakan wanita.

Rahsia 48

Kita akan lebih mengenali seseorang lelaki itu apabila dia mulai memberi komen tentang anda. Sekiranya dia tidak berapa suka dengan anda, komennya selalu berlawanan dengan pendapat anda. Jika dia benci, komennya sengaja mahu melawan anda. TETAPI jika dia suka, semua komennya sangat bersetuju dengan anda.

Rahsia 49

Fahamilah lelaki yang tidak berminat dengan anda. Mereka akan lebih dingin dan kadang-kadang tidak menghiraukan langsung dengan apa yang anda katakan. Kalau apa yang anda buat di depannya, dia langsung tidak kisah, itu maknanya, dia tidak mempunyai sedikit perasaan pun terhadap anda. Ada 2 pilihan di sini, samada anda cuba berubah dan masih cuba menarik perhatiannya, ATAU lupakan saja, cari prospektif yang lain.

Rahsia 50

Lelaki tidak pernah faham, mengapa wanita mesti ada banyak kasut dan beg tangan kerana lelaki hanya memerlukan 2 atau 3 jenis kasut. Tidak seperti orang perempuan yang mempunyai beratus-ratus pasang kasut dan berjenis-jenis beg tangan. Sebenarnya, saya sendiri pun masih bingung dan tidak faham tentang hal ini.

Rahsia 51



Lelaki ramai yang perasan! Sentiasa ingat, semua wanita sukakannya. Gadis itu gilakannya, wanita itu syok kat dia...Jadi, janganlah anda menambahkan lagi perasannya itu. Kalau tak suka, tunjukkan tak suka. Kalau benci...buatlah benci. Janganlah pulak buat-buat suka. Tak baik...

Suka membaca berbagai artikel cinta?
Bacalah artikel & tip cinta, lain dari yang lain
dari Blog Brother Love
www.razzirahman.com/blog

Rahsia 52

Lelaki yang sudah jatuh cinta atau terlalu gilakan kepada seseorang gadis, akan sanggup melakukan apa sahaja. Sanggup bergaduh, sanggup berhabis duit, sanggup tak makan dan minum, sanggup hilang keluarga, sanggup berubah mengikut kehendak wanita yang diminatinya itu. Jadi, di sini pesan saya kepada kaum wanita semua...ambil peluang ini untuk mengubah lelaki itu kepada seorang yang positif, bersemangat dan berguna untuk masa depan serta seorang yang beriman!

Rahsia 53

Apabila lelaki mahu berjumpa dengan Ibu dan bapa anda, jangan mebuang masa lagi dengan berfikir, cepat-cepatlah bawa dia. Kalau dia tiba-tiba berubah maknanya dia bukan serius terhadap anda. Tetapi sekiranya dia meneruskan niatnya untuk mengenali keluarga anda dengan lebih lanjut lagi, itu maknanya dia benar-benar berfikir untuk masa depan anda bersama. Kalau boleh masa perjumpaan itu, bawakan semua keluarga termasuk bapa-bapa dan mak-mak saudara, sepupu, dua pupu, atok dan nenek

Rahsia 54

Lelaki sentiasa memikirkan maruah dirinya sebagai lelaki. Jadi, dalam meluahkan perasaan ataupun mencuba untuk mengatakan sesuatu, mereka agak kaku dan selalu akan tergagap-gagap. Tugas kaum wanita di sini ialah mengurangkan ego dan beban yang dicipta mereka sendiri itu. Cubalah membantu mereka dari segi emosi untuk mereka menjadi lelaki yang lebih berperasaan dan sensitif. Tetapi sekiranya anda bertemu dengan lelaki yang terlibat dalam bidang seni, mereka lebih sensitif dan 'jiwang' .



Rahsia 55

Lelaki romantik susah dicari, namun sebenarnya ada ramai, anda cuma perlu tengok, tabiat dan tingkah lakunya. Selalunya yang romantik, mereka suka mendengar lagu-lagu ballad, lagu cinta, suka puisi, sajak dan sukakan pemandangan yang indah. Jika lelaki yang suka babies, kanak-kanak, kucing, dia seorang yang penyayang. Tengoklah tingkah lakunya dan kaitkan dengan emosinya. Tentu anda mendapat jawapannya.

Rahsia 56

Semasa di telefon, jangan sesekali bergaduh dengan meninggalkan mereka tertanya-tanya tanpa jawapan penutup. Mereka akan terus menelefon anda berkali-kali untuk mendapat jawapan pasti. Selagi tidak puas hati, mereka tidak akan berganjak dari perangai mereka yang agak kebudak-budakkan itu.

Rahsia 57

Lelaki menganggap keputusan wanita, pelik dan tidak masuk akal. Lebih-lebih lagi apabila wanita cepat membuat keputusan terburu-buru dan hanya mengikut emosi yang agak kurang stabil. Elakkan ia berlarutan, menangi hati lelaki dengan 'being undestanding!'

Rahsia 58

Sekiranya anda menolak pelawaan lelaki, anda mesti menolak dengan tegas! Kecuali anda masih berminat dengannya. Kerana, penolakan yang biasa akan membuatkan lelaki menjadi lebih agresif merapati anda. Kalau buat-buat macam kesihankan dia pula, lelaki akan ingat yang anda masih cinta atau masih punya sedikit perasaan kepadanya. Apa yang anda perlu lakukan ialah, dengan muka masam, marah, anda katakan, "NO!" Terus berlalu dan jangan sesekali melayannya lagi. Tak perlu nak jaga hati dia.

Rahsia 59

Lelaki suka bercakap, berbangga dengan kawan-kawannya tentang wanita yang meminatinya. TETAPI itu tidak bermakna dia suka kepada wanita itu. Malah lebih buruk lagi, dia berlagak, bongkak dan sombong dengan wanita tu. Jadi, jual mahal adalah satu cara yang sangat bagus untuk mengelak dari bertemu dengan lelaki sebegini.

Rahsia 60

Lelaki akan sentiasa berperangai baik semasa tengah memikat. Mahu tengok perangai dia yang sebenar? Tengok selepas dia memiliki anda. Kalau nak tengok sebelum itu. Hantarkan kawan anda memikat dia. Uji dia!

Rahsia 61



Semasa menonton wayang, lelaki nakal cukup suka duduk rapat-rapat dengan pasangannya walaupun pada 1st date. Tetapi lelaki yang ikhlas dan jujur, betul-betul fokus dengan cerita yang ditontonnya, tetapi tetap duduk rapat-rapat di samping pasangannya... hehe ...In case, jika anda mahu mengelakkan dari berbual panjang dengan lelaki di awal pertemuan, the best place to go is tengok wayang hehe ;)

Rahsia 62

Secara rahsianya, seorang lelaki itu akan cuba sedaya upaya menghalang pasangannya mempunyai kaitan atau hubungan dengan sesiapa sahaja. Kerana bagi mereka, ianya lebih selamat jika pasangannya itu tiada kawan atau sesiapa sahaja yang boleh memberi pandangan atau pun nasihat kepadanya. To be safe, better ada kenalan rapat atau ahli keluarga anda mengetahui setiap perhubungan atau gerak langkah anda bersama lelaki.

Rahsia 63

Wanita terkenal dengan perasaan cemburu butanya. TETAPI, cemburu lelaki adalah lebih buruk dari wanita. Mulut wanita mungkin lebih agresif memaki hamun atau memarahi pasangannya ketika dia cemburu, lelaki yang kuat cemburu pula adalah lebih agresif. dari segi fizikal. Malah lebih ganas dari segala-galanya. Elakkan dari membuat lelaki cemburu.

Rahsia 64

Lelaki susah menyimpan rahsia. Apa yang anda minta rahsiakan, dia 'rahsiakan'..hanya depan anda. Di belakang anda, dia akan membongkarkan segalanya kepada teman-teman rapatnya. Berhati-hatilah meminta lelaki menyimpan rahsia... nanti satu kampung tahu!

Rahsia 65

Lelaki tidak akan matang selagi dia tidak melalui proses, dikecewakan cinta. Lelaki yang matang selalunya pernah gagal beberapa kali di dalam percintaan. Setiap kali lelaki terluka, ianya tersangat menusuk jiwa mereka sehingga mereka benar-benar berhati-hati di masa hadapan. Jadi selalunya lelaki yang berumur lebih 28-30 tahun ke atas akan lebih menghargai perhubungan cinta kerana sejarah yang lepas telah mematangkannya.

Rahsia 66



Lelaki sangat suka berkhayal. Khayalan mereka tiada sempadan. Apatah lagi apabila mereka meminati seseorang. Selalunya mereka akan berfantasikan gadis yang menjadi pujaannya itu dengan berbagai-bagai perkara yang mustahil dilakukannya sehinggalah terlajak ke bilik tidur, sehingga tiada seurat benang pun di badan gadis khayalannya itu. Seterusnya, anda tahulah apa yang terjadi selepas itu...

Rahsia 67

Lelaki tidak kisahkan gadis yang rendah atau tinggi. Yang lelaki selalu kisahkan ialah gemuk atau kurus kerana, berbadan gemuk selalunya keletihan dan tidak menggiurkan. Gadis kurus pula, shows tidak sihat! Sekeping je kan...tak boleh juga. Namun masih ada sebilangan kecil lelaki yang menyukai gadis gemuk atau pun kurus.

Rahsia 68

Sekiranya pasangan lelaki anda selalu saja meminta pendapat, nasihat atau panduan dari kawan wanita anda, peluang cerah dia akan jatuh cinta dengan kawan anda itu. Mungkin kawan anda boleh dipercayai, tetapi di dalam soal hati dan jiwa yang bergolak dengan perasaan cinta, anda tidak boleh percaya dengan sesiapa. Watch out!

Rahsia69

Lelaki sangat-sangat suka wanita yang pandai memasak. BERTAMBAH lagi suka sekiranya wanita itu pandai memasak masakan yang digemarinya. Namun kadang-kadang, sesetengah lelaki, suka dengan masakan ibunya. Yang ini susah sikit. Kena fight lah...siapa lagi bagus, kesian orang perempuan... tetapi kalau anda bijak mengambil hati ibunya. Mungkin ibunya yang akan menolong anda untuk memenangi hati anak lelakinya.

Rahsia 70

Kebanyakan lelaki sekarang, ramai yang pemalu dan tidak berpengalaman. Mereka selalunya menunggu gadis yang BERANI memulakan langkah perkenalan terlebih dahulu. Mereka juga suka wanita yang membuat apa sahaja rancangan untuk dating, keluar bersiar, mahu pun holiday. Namun lelaki sebegini, kurang menarik dan membosankan!

Rahsia 71



Lelaki sebenarnya teramat suka apabila susah untuk memikat gadis itu SUKA DALAM DUKA hehehe... Lagi gadis itu menjual mahal, lagi disukainya. Ianya seperti satu cabaran. Lagi hebat cabaran itu, lagilah menarik gadis itu pada pandangan lelaki tadi. Sememangnya, gadis yang masih single/tiada pasangan, dianggap sepi dan tak laku. Seolah-olah tiada cabaran. Yang sudah mempunyai itulah yang selalunya menambahkan 'geram' di hati lelaki...

Tambah menggeramkan lagi, apabila melihat pasangan gadis itu tidak handsome dan sudah berumur. Bertambah tarikannya pula sekiranya mereka masih muda atau pun mempunyai tubuh badan yang menarik dan menggiurkan. NAFSU lelaki selalunya begitu, sejak kecil lagi... yang milik orang itulah yang dimahunya. Kalau yang dah berkahwin tu, janganlah! Berdosa besar beb!, dosanya bagaikan meruntuhkan masjid!

Rahsia72

Namun, tidak semua lelaki menyukai gadis yang sudah mempunyai atau pun sudah bertunang. Ada juga sesetengah lelaki yang apabila mendengar saja gadis itu sudah dimiliki, terus saja mereka mengundurkan diri. Selalunya lelaki seperti ini adalah lelaki yang sangat setia kepada yang satu dan hanya meminati satu wanita pada satu masa.

Rahsia 73

Lelaki yang 'normal' perasaan dan emosinya serta nafsunya akan sentiasa memandang ke arah gadis-gadis cantik dan wanita-wanita seksi, walaupun mereka sudah mempunyai ataupun sudah berkahwin. Namun ianya hanya sekadar memandang kerana naluri lelaki sememangnya sebegitu. Tetapi jika ada yang lebih pada itu, lelaki itu tidak patut dijadikan pasangan. Anda akan menempuh risiko besar untuk berkasih apatah lagi berkahwin dengannya. Berani? Tak payah lah...ramai lagi lelaki lain yang kuat imannya.

Rahsia 74

Sebenarnya lelaki mempunyai perbagai masalah, lebih banyak dari wanita tetapi selalunya mereka menyembunyikannya. Malah mereka lebih suka melupakan sahaja masalah itu tanpa menyelesaikannya. Tugas anda sebagai pasangan, pandai-pandailah pujuk dan bawa pasangan anda ini berbincang tentang masalahnya.

Rahsia 75



Lelaki punya semangat tinggi dalam mengerjakan sesuatu tetapi lelaki juga amat lemah apabila kehilangan semangat itu. Jadilah pemberi semangat kepadanya, curahkanlah segala kejujuran yang ikhlas kepada pasangan anda demi kebahagiaan bersama.

Rahsia 76

Apabila seorang lelaki kelihatan terlalu tenang dan langsung tidak bersuara, cuba anda perhati tepi dahinya dan di bawah rambutnya. Adakah dia berpeluh? Sekiranya ada, maka itu bermakna dia teramat cemas, gementar sekali berdepan dengan anda. Dialah lelaki pemalu yang extreme! Tetapi lelaki seperti ini agak menarik apabila sudah biasa dengan anda nanti. Mungkin dia pula yang akan suka bercerita dan berjenaka.

Rahsia 77

Lelaki sangat membenci gadis yang kasar setiap tapak langkah perjalanannya. Kasar perbuatannya dan tutur katanya. Ayo, very benci one! hehe... Ianya seolah-olah memiliki seorang pasangan yang sejenis dengan mereka. Ini sangatlah tidak baik untuk satu-satu perhubungan. Cubalah berlatih bergerak dengan lemah lembut, melangkah dengan sopan dan cermat serta manja bertutur kata. Anda boleh melakukannya!

Rahsia 78

Sebenarnya, lelaki tidak suka dengan wanita yang lebih tua darinya. Sebab itu, ramai wanita lanjut usia, masih belum berkahwin. Namun begitu, ramai juga lelaki yang bersama wanita lebih tua tetapi punya wajah yang kelihatan lebih muda dari usianya. Some advise Bro Razzi boleh berikan kepada wanita yang sudah agak berusia dan masih belum menemui jodoh ini, jangan asyik memikirkan pangkat dan taraf anda. Sebaliknya, gunakan kelebihan anda itu untuk membantu menaikkan taraf lelaki yang diidamkan. Lelaki akan terkejut dan sangat menghargai pertolongan ini.

Rahsia 79

Kelemahan lelaki sebenar adalah di lutut dan pinggangnya. Kalau salah satu atau kedua-duanya sekali hanya sedikit cedera, lelaki itu sudah tidak dapat mengerjakan tanggungjawab mereka sebagai 'lelaki' lagi. Sesungguhnya segala kejantanan mereka sudah tidak jantan lagi. Jadi untuk mengelakkan perkara ini berlaku, dan demi kebahagiaan masa depan selalulah minum madu bersama telur ayam kampung dan juga minum minuman herba, seperti Radix Tongkak Ali, "Mai Secawan" hahaha

Rahsia 80



Sekiranya seorang lelaki itu, terlebih prihatin terhadap mukanya, kulitnya, rambutnya, perwatakannya...dia adalah lelaki yang tersangat lemah di dalam penyelenggaraan barangan di rumah. Lelaki sebegini juga tersangat malas untuk membuat kerja rumah dan tidak boleh diharap. Sekiranya anda bertemu lelaki jenis ini, ada lebih baik anda lupakan sahaja lelaki itu walau rupanya handsome! Lawa pun tak guna jika malas...macamana nak hidup? Macamana dia hendak mencari pendapatan yang cukup? MALAS adalah ciri-ciri orang yang 100% gagal dalam hidup! Cari yang rajin!

“Jom berinteraksi di Instagram Razzi”

www.instagram.com/razzirahman.ig



Rahsia 81

Lelaki suka membaca adalah calon yang terbaik untuk anda. Tetapi kena tengok juga apa yang dibacanya. Keperibadiannya yang suka membaca itu melambangkan dia adalah seorang yang suka menimba ilmu. Namun, kalau baca komik, lupa je lah! Tetapi kalau baca buku motivasi, buku meningkatkan keperibadian diri atau buku bagaimana mahu menjadi kaya, jutawan...dialah yang patut anda pikat habis-habisan. Di dalam Islam pun mengesyorkan pilihlah suami yang berpengetahuan agama, baka baik, cantik dan luhur rupa parasnya, serta BERILMU dan kalau boleh dari keluarga yang berada, hehehe...

Rahsia 82

Jangan salah tafsir dengan lelaki yang terlebih suka berfikir. Mereka ini adalah dari golongan orang-orang yang was-was. Tertera di dalam kitab suci al-quran, was-was adalah salah satu perangai syaitan. Lelaki sebegini, susah membuat keputusan, mereka mengambil masa terlalu lama berfikir tentang perkara yang tidak penting, terlalu banyak mengkaji setiap perkara dan masih tidak membuat keputusan dengan betul. Semuanya kerana tiada sifat yakin pada diri sendiri. Maka, elakkan bercinta dengan lelaki begini, maupun sekadar untuk berkawan! Takut nanti terikut sama jadi sepertinya.

Rahsia 83



Lelaki baik, jujur dan ikhlas memang ada. Jangan risau...insyaAllah kalau niat anda baik, Tuhan akan temukan anda. Untuk mengenalinya, dia tidak suka 'mengayat', mulut manis la tu. Dia tidak suka berbual-bual kosong dengan mana-mana wanita. Dia tidak suka meninggikan suaranya. Tidak suka mengeji, menghina maupun memuji. Mereka suka berterus-terang dan menjawab soalan seikhlas mungkin. Namun sayangnya, gadis-gadis di zaman sekarang lebih suka dengan lelaki yang suka memujinya, memujuknya, memanjakannya dan memberi segala kemewahan kepada mereka. Jadi oleh sebab itulah, ramai kaum wanita yang telah terpedaya!

*“Anda suka ebook 101 Rahsia Lelaki ini?”
Jika ya...PASTI anda juga akan suka...*

eBook 101 Cara Memikat lelaki!



Lebih padat, terperinci dan cukup memberi panduan berguna khas buat wanita yang tercari-cari cara untuk memikat lelaki. Ingin mengetahui lebih lanjut? sila klik di sini

www.razzirahman.com/ebook101man.html

Rahsia 84

Lelaki cukup minat dengan wanita yang berdikari. Bagi mereka, wanita sebegini adalah orang yang sangat bertanggung jawab, berpotensi menjaga kewangan dan aset mereka apabila sudah berkeluarga. Mereka juga lebih menghormati wanita yang mempunyai pendapatan yang tinggi kerana sudah tentunya dia tidak akan menghabiskan wang mereka dan tidak menyusahkan mereka....itu apa yang mereka anggaplah, tetapi bukan begitu, kan kawan-kawan wanita ku sekelian?

Rahsia 85



Secara rahsianya, lelaki amat tidak suka dengan gadis yang lembap, kurang bijak berbual dan benci dengan wanita yang bercakap tentang perkara-perkara bodoh. Lelaki jahat, pasti mengambil kesempatan ke atas gadis-gadis sebegini.

Mereka akan membuat cerita agar gadis-gadis seperti ini mempercayai mereka. Akibatnya, ramai gadis memberi duit, harta dan menggadaikan maruah diri. Semuanya adalah kerana tidak berpendidikan dan 'slow'. Seharusnya, semua gadis dan wanita masa kini, mendalami ilmu kehidupan. Kenali dulu jenis-jenis lelaki, baru mulakan perhubungan. E-book 101 Rahsia lelaki ini juga adalah salah satu rujukan yang wajib difahami dan dipelajari wanita.

Rahsia 86

Lelaki lembut atau nyah atau pondan...**ANDA JANGAN TERPEDAYA!** Memang pernah ada gadis-gadis yang dirogol oleh lelaki lembut ini. Ada pula yang tergadai harta dan nyawa kepada mereka yang lembut. Sesungguhnya mereka **TETAP** lelaki walau berperangai lembut seperti perempuan.

Malah kaum sebegini mempunyai nafsu yang sangat kuat melebihi semua orang. Jadi berwaspadalah. Seelok-eloknya, janganlah berkawan terlalu rapat dengan lelaki lembut ini, seolah-olah mereka juga perempuan. Mereka adalah **LELAKI!** Dari segi agama, mereka tetap **HARAM** bersentuh dengan anda!

Rahsia 87

Ramai lelaki kurang sensitif. Itu adalah sifat kebiasaan seorang lelaki yang masih muda remaja. Apabila sudah dewasa, mereka mulai berubah. Namun ada juga lelaki yang sampai ke tua bangka pun tak berubah-ubah. Ini adalah lelaki yang sangat degil dan asyik mengagungkan zaman lampau.

Mereka tidak memahami, tidak mengambil berat tentang hati dan perasaan wanita atau yang tersayang. Sesetengah pula, walau masih muda, sudah pandai mengambil hati. Yang ini, 100% Baka **BAIK!** tapi susah jumpa, anda kena pergi ke pulau-pulau yang belum terdedah dengan pembangunan, tiada elektrik dan TV.

Rahsia 88



Lelaki kuat nafsu seksnya boleh dikenali apabila matanya hanya memandang tepat kepada dada, punggung dan seluruh tubuh badan anda atau gadis disekelilingnya sewaktu anda bercakap. Cuma hanya dengan berada dekat wanita yang menggiurkan dan tanpa sebarang sentuhan, lelaki sebegini boleh terasa ngilu nafsu syahwatnya. Walau apa yang anda perbualkan, dia tidak hirau dan matanya mulai kuyu apabila syahwatnya memuncak. Di sini, anda kena ambil selangkah ke belakang dan berfikir sejenak... adakah dia lelaki yang anda suka? Mungkin anda akan bahagia di dalam soal seks. Soal lain? Perkahwinan bukan hanya tentang seks semata-mata. Bagaimana pula bila berdepan dengan wanita lain? Bergegar nafsu juga ke? “Koyaklah beb!”

Rahsia 89

Ego lelaki berkait rapat dengan maruah lelaki yang konon berkuasa tetapi pada hakikatnya mereka lemah! Satu ego lelaki yang paling buruk adalah, ‘Apabila mereka membuat kesalahan, mereka mahu meletakkan kesalahan itu pada wanita!’ Walau dia ternyata salah, egonya mulai mencari-cari kepada siapa dia harus meletakkan kesalahannya itu. Selalunya, orang terdekat akan menjadi mangsa....yang tersayang lah kena...

Rahsia 90

Lelaki yang suka padamkan setiap panggilan telefon bimbitnya yang dibuat atau diterima, adalah lelaki yang suka berahsia. Semua sms yang diterima dan dihantar juga, kosong! Sememangnya lelaki sebegini adalah yang suka menyembunyikan banyak rahsia dari isteri atau kekasihnya. Seolah-olah dia telah melakukan satu kesalahan besar yang memerlukan dia, sembunyikan dari anda. Tekaan saya, 100% dia memiliki kekasih yang lain, sorry!

Rahsia 91

Apabila lelaki curang, hati-hati dengan trick dia. Kerana sudah terdesak mereka akan beralih, mencari jalan dan membuat seolah-olah anda yang CURANG! Anda pula yang menjadi mangsa. Lelaki sebegini cukup pandai reka cerita dan mempermain-mainkan situasi sebenar. Lelaki sebegini tidak wajar untuk anda pertimbangkan untuk menjadi kekasih, jauh sekali...suami! Apa yang perlu anda lakukan ialah, menguatkan mental dan semangat anda kerana, anda akan membuat satu keputusan iaitu meninggalkannya!

Rahsia 92



Apabila kawan-kawan lelaki kepada pasangan anda resah, serba salah dan gerak-geri mereka agak tidak selesa setiap kali berdepan dengan anda berdua, SEHARUSNYA anda merasa risau dan bimbang kerana besar kemungkinan teman lelaki anda itu sudah berlaku curang dan kawan-kawannya pula, cukup mengetahui tentang rahsianya.

Perhatikan tingkah laku mereka, bongkarkan rahsia pasangan anda! Cara paling berkesan untuk membuatkan dia mengaku ialah dengan bersemuka di depan kawan-kawannya. Dia akan malu dan kawan-kawannya juga akan merasa lemah untuk menipu anda lagi tanpa sebarang manfaat. Nescaya anda akan mendapat jawapannya. Tetapi, whats the point? apa gunanya lagi...hanya menyakitkan hati anda. Ada lebih baik anda mencari jalan keluar dan mulai menyemai kasih yang baru. Ingatlah, Tuhan telah menyediakan jodoh yang terbaik untuk semua ciptaannya. Mungkin anda masih belum ketemuinya lagi.

Rahsia93

Apabila lelaki memiliki telefon bimbit lebih dari satu dan menyoroknya dari pengetahuan anda, jauh sekali nak beritahu nombor telefonnya pulak, HATI-HATI... mungkin dia sudah punya yang lain. Jangan buang masa muda anda! Sebelum tua, berkedut dan terlambat, Cari Kekasih Baru!

Rahsia 94

Lelaki yang sentiasa beralasan bila bercakap soal kahwin, TERNYATA dia tidak serius dan hanya ingin main-main sahaja. Cuba fikir, siapa yang tak mahu kahwin? Bila berkahwin, anda boleh pegang, peluk, tidur bersama dan buat sesuka hati, PLUS semuanya HALAL! Kalau bercinta sekian lama, tak jugak mahu kahwin, hmm...bukannya tak mahu kahwin tu, tetapi tak mahu kahwin dengan anda. Cari yang serius beb!

Rahsia 95

Lelaki yang sentiasa memberi alasan sibuk, susah nak call, tak sempat nak jumpa, TERNYATA lelaki sebegitu sudah hilang minat untuk meneruskan perhubungan dengan anda. Teknologi komunikasi sekarang sudah jauh modennya, kadang-kadang...telefon bimbit di dalam poket baju pun 'boleh terdail sendiri' nombor kekasih anda. Kalau dia beri alasan susah nak call?? Nampak sangat lah... hmm... cari je kekasih yang baru!

Rahsia 96



Lelaki yang kewangan tidak stabil, selalunya tidak mempunyai keyakinan untuk memikat mana-mana gadis. Mereka selalunya cuba-cuba memikat, menegur dan melambai-lambai tangan dari jauh. Mengenyit mata, namun TAKUT bila berdepan, haa... tak ada duit lah tu. Belanja girls pun tak mampu, tapi nak bercinta, how la? ;)

Rahsia 97

Lelaki yang bertaraf tinggi selalunya menginginkan gadis yang juga bertaraf tinggi dari segi peribadi, cara berpakaian dan pertuturan bahasa. Sekiranya anda mahu memiliki lelaki yang berada, kaya dan berpangkat, naikkan taraf diri anda terlebih dahulu, nescaya anda akan dapat memilikinya dan dapat memikat lelaki idaman anda itu. Anda mahu? Ubah penampilan anda hari ini!

Rahsia 98

Lelaki yang tak beriman, sentiasa mempunyai nafsu terhadap wanita walaupun wanita itu adalah saudaranya sendiri. Nafsu lelaki seperti ini tidak mengenal kawan atau lawan, sudah berkahwin atau belum, sudah bertunang, sudah mempunyai kekasih, bujang.

Cuba anda serahkan diri anda kepadanya, relakan diri anda disentuhnya, nescaya seperti singa lelaki itu akan menerkam anda dan memamah sepuas hatinya . Yang betul-betul kawan, mereka tidak akan rapat dengan anda. Jadi berhati-hatilah berkawan dengan lelaki, ingatlah...nafsu lelaki memang tidak berakal dan... “nafsu lelaki ini pergi sekolah pun, duduk bawah meja!”

Rahsia 99

Mengetahui isi hati lelaki jika cinta atau tidak, cukup mudah... JIKA CINTA, dia akan tergila-gila kepada anda siang dan malam. Mahu berjumpa, bercakap dan berbual dengan anda siang dan malam. Mahu menghubungi anda, mendengar suara anda setiap masa. Call, sms, mms, entah ms lagi semua dia akan buat tak perlu disuruh hehe....

TETAPI, bila cinta sudah pudar, kasih sudah hilang, sayang mulai kendur...Nak tunggu dia telefon pun, susah! Apatah lagi nak berjumpa dan berbual mesra. Asyik hilang memanjang!...bila bertemu akhirnya...kasar aje bahasanya, masam aje mukanya, ...bila situasinya sudah begitu. LUPAKANLAH SAHAJA DIA...cari lain yang benar-benar menghargai anda dan mencintai anda sepenuh dan seikhlas hati.

Rahsia 100



Lelaki cukup suka pada “burung yang terbang bebas, hinggap dimana-mana, tetapi sukar untuk ditangkap!” haaa...faham ke tu? Hehehe...kira macam ni, gadis tu nampak macam senang, macam free, macam layan semua orang. Hakikatnya, terlalu sukar untuk didekati.

Lelaki teramat suka bila sesuatu yang diinginkan itu kelihatan cukup hebat, sophisticated dan agak susah untuk didapati tetapi, mereka dapat merasakan yang ada peluang untuk mencuba dan ada kemungkinan gadia itu jadi miliknya! Bagaimana untuk membuat lelaki merasa begitu? Jika anda ingin memikat mereka...persiapkan diri anda agar kelihatan hebat, bercitarasa tinggi, keperibadian yang baik. Berilmu dan bijak bertutur kata.

Kemudian, berikan layanan yang baik kepada mana-mana lelaki yang anda minat atau berpotensi untuk serius. Lalu...sentiasa menolak pelawaannya. Tetapi masih baik, masih mahu berbual, masih suka untuk berkawan...JIKA lelaki itu give up. Jangan kecewa...itu adalah satu keputusan yang baik kerana anda sudah terlepas dari seorang lelaki yang cepat putus asa so, dia tidak bagus untuk anda. Jika ada yang tidak putus asa...dialah pilihan anda! Take your time beb, jangan sebulan dua dah jatuh cinta. Lama-lama sikit!

Rahsia101

Akhir sekali, janganlah anda memikirkan semua lelaki ini, banyak buruk dari baiknya. Asal nama lelaki, mesti JAHAT! PLAYBOY! BUAYA!... Mungkin sesetengah lelaki begitu. Tetapi bukan semua. Lelaki yang sejati, mereka amat menghormati kaum wanita. Malah seorang lelaki sebenar, mempunyai keperibadian yang jauh lebih baik daripada seorang wanita. Jauh beriman! Mereka inilah yang patut anda cari dan kahwini.

Saranan Bro Razzi, perhatikan dengan teliti ciri-ciri lelaki itu, kalau tiada yang baik, lupakan saja. Namun sekiranya dia layak diberi peluang, maka berilah peluang kepadanya untuk berubah menjadi lebih baik. Anda sebagai wanita yang menyayanginya, bawalah dia ke arah jalan yang diredhai ALLAH swt. Insyaallah, anda akan terkejut dengannya suatu hari nanti! Kerana, itulah rahsia lelaki yang sebenar... yang semuanya berada di tangan wanita!

NEW!

Dari penulis buku
Kamus Cinta dan
101 Nota Cinta



101 cara memikat *Lelaki*

*"Sarat dengan tip-tip,
dan cara-cara mudah
MEMIKAT dan
MENAWAN hati
lelaki idaman anda,
pasangan hidup anda,
dan lelaki yang bakal
anda kahwini!"*

Razzi Rahman
@brother love

www.razzirahman.com/ebook101man.html

“Perlengkapkan diri anda dengan ilmu pengetahuan tentang cinta agar pencarian cinta anda akan lebih bermakna!”

Epilog

Alhamdulillah...syukur kepada ALLAH swt kerana kita akhirnya dapat bersama-sama menghabiskan e-book 101 Rahsia lelaki. Lega rasanya dapat membantu anda dan harapan Razzi, moga anda juga mendapat banyak idea, info dan manfaat dari ebook ini.

Tetapi, rahsia lelaki ada lebih banyak lagi, ini adalah sebahagian besar daripadanya. Anda sendiri pun boleh mencari rahsia lelaki sekiranya anda betul-betul peka dan fahami pasangan yang bakal anda jadikan teman hidup anda buat selamanya itu. Bro Razzi doakan anda bertemu dengan lelaki yang benar-benar boleh memberi segala kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Wang dan harta benda bukanlah ukuran sebenar untuk anda memilih pasangan anda. Akhlak yang mulia seharusnya menjadi pilihan utama!

Sekiranya anda merasa pasangan anda amat berlainan pendirian hidup, tingkah laku jauh berbeza dari anda, akhlak juga terpesong dari segi agama, jauhilah dia, melainkan dia sanggup berubah ke jalan yang benar dan diredhai Allah swt. Razzi Rahman

Akhir kata saya ingin mengucapkan Salam sejahtera cinta, semoga kecemerlangan anda, menjadi kejayaan bersama. Moga Allah memberkati kita semua.

“Apa yang baik datang dari Allah, dan yang buruk pastinya datang dari kelemahan saya”

www.razzirahman.com

Razzi Rahman
The Island boy
2.18 am - 9.1.2007

